



30 JAN, 2023

## THT pertaruh 'aura' Korea Selatan



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

## THT pertaruh 'aura' Korea Selatan

**KUALA TERENGGANU:** Juara ber-  
ganda Liga Hoki Malaysia (MHL)  
2022, Pasukan Hoki Terengganu  
(THT) mempertaruhkan 'aura'  
Korea Selatan untuk saingan  
musim ini.

Ianya selepas THT kini dilatih  
Seo Jongho sebagai pengendali  
menggantikan Roslan Jamaludin  
dan diperkuat tiga tonggak  
import antaranya bekas penjarang  
terbanyak MHL, Jang Jong-  
hyun.

Presiden Persatuan Hoki Te-  
rengganu, Mohd. Fikri Harun,  
berkata, selain Jonghyun, turut  
menyarung jersi THT adalah  
bintang muda Korea Selatan  
Yoo Seong Ho, 20, dan Choi  
Hoil, 22.

Menurut beliau, kehadiran  
Jongho tidak asing lagi buat  
THT setelah menjadi pembantu  
Dharma Raj Abdullah pada 2020  
manakala Jonghyun muncul  
sebagai pemain paling digeruni  
dalam MHL.



**WAN Sukairi Wan Abdullah** (tengah, berdiri) bergambar bersama pasukan THT pada Majlis Pelancaran Jersi dan memperkenalkan penaja dan pemain dan pasukan Hoki Wanita di Kuala Terengganu, semalam.

"Ini adalah cubaan berani  
THT kerana Jongho akan me-  
nampilkan perubahan taktikal  
yang lebih baik dan beliau juga

tahu kualiti dan tahap permai-  
nan pemain-pemain sedia ada.

"Manakala Seong Ho dan Hoil  
pula bakal memberi skuad

senior Korea Selatan sebaik ta-  
mat Piala Dunia selain meru-  
pakkan antara pakar fiik terbaik  
remaja Asia.

"Sasaran tahun ini adalah  
mengekalkan kejuraaan Piala  
Sumbangsih dan liga serta  
merampas Piala TNB sekaligus  
muncul juara 'treble'," katanya  
pada majlis memperkenalkan  
pasukan, semalam.

Mohd. Fikri menjelaskan,  
turut kekal bersama THT pa-  
sangan adik-beradik, Faizal dan  
Fitri Saari serta pemain negara,  
Hafizuddin Othman, Moham-  
mad Marhan Jalil dan Muham-  
mad Arif Syafe Ishak.

Sementara itu menurutnya,  
negeri itu juga kembali diwakili  
pasukan bagi saingan wanita  
selepas kali terakhir Pasu-  
kan Hoki Wanita Terengganu  
(TLHT) mengambil bahagian  
pada 2020.

Namun Mohd. Fikri berkata,  
tiada sasaran besar diletak-  
kan buat TLHT yang menjadikan  
aksi liga tahun ini sebagai  
pendedahan menghadapi Sukan  
Malaysia (Sukma) 2024.